

19 OCT 2001

Belanjawan-Reaksi (Pembangking)

FADZIL NOOR KATA BELANJAWAN BEBANKAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Ketua Pembangkang Datuk Fadzil Noor berkata Belanjawan 2002 yang dibentangkan hari ini tidak mesra rakyat kerana banyak membebankan golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Katanya, pengurangan cukai pendapatan peribadi sebanyak satu hingga dua peratus hanya memberi faedah kepada golongan yang berpendapatan tinggi.

"Kenaikan beberapa barang turut akan meningkatkan inflasi," katanya ketika ditemui selepas pembentangan Belanjawan 2002 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen hari ini.

Fadzil yang juga Anggota Parlimen Pendang berkata kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter terlalu tinggi yang akan memberikan kesan terutamanya golongan berpendapatan rendah yang menggunakan motosikal.

Naib Pengerusi DAP Kebangsaan Dr Tan Seng Giaw berkata peruntukan bagi pertahanan yang tinggi sebanyak RM7.824 bilion pada kali ini adalah agak membimbangkan.

Bagaimanapun Dr Tan yang juga anggota Parlimen kawasan Kepong memuji peruntukan sebanyak RM20.78 bilion yang diberi kepada bidang pendidikan yang disifatkannya sebagai "menggalkan".

"Saya berharap semua orang akan menggunakan peruntukkan yang besar di dalam pendidikan itu dengan sebaik-baiknya," kata beliau.

Dr Tan berkata peruntukan sebanyak RM6.3 bilion kepada sektor kesihatan adalah "bersesuaian" pada masa negara sedang mengalami kelembapan ekonomi.

Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pula bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri bahawa wanita mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan negara.

Katanya, peranan wanita amat penting walaupun mereka hanya sebagai ibu dan isteri dalam sesuatu keluarga dan ini tidak boleh dinafikan oleh sesiapa.

Ketua Pemuda PAS Mahfuz Omar berkata kerajaan cuba memaksa rakyat membeli.

"Kuasa beli yang diwujudkan dalam belanjawan ini adalah kuasa beli yang dipaksa kepada rakyat iaitu menaikkan harga petrol yang pasti digunakan oleh rakyat, tidak ada pilihan," katanya.

Beliau berkata walaupun kerajaan memberi bonus setengah bulan gaji untuk menggalkan ekonomi domestik tetapi rakyat tidak mempunyai kuasa membeli berdasarkan keperluan.

Bonus ini tidak mencukupi terutama kepada pekerja yang bergaji rendah sedangkan mereka sangat memerlukan wang untuk persediaan Hari Raya dan perbelanjaan persekolahan anak-anak pada tahun depan, katanya.

Mahfuz berkata langkah kerajaan memberi kenaikan gaji 10 peratus untuk kakitangan awam tahun depan tidak mempunyai apa-apa makna.

-- BERNAMA

TM NMO